



# **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

---

## **DOKUMEN SEBUTHARGA**

---

**NO SEBUTHARGA: S0421032**

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR  
(TANGKI AIR) DI APARTMENT DELIMA IMPIAN, TAMAN  
SERI DELIMA, SEBERANG PERAI TENGAH BAGI  
PROGRAM TABUNG PENYELENGGARAAN  
PERUMAHAN MALAYSIA (TPPM) TAHUN 2021**

---

**SETIAUSAHA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
MENARA BANDARAYA  
JALAN PERDA UTAMA, BANDAR PERDA  
14000 BUKIT MERTAJAM  
PULAU PINANG  
TEL: 04-5497555**

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR (TANGKI AIR) DI APARTMENT DELIMA IMPIAN, TAMAN SERI DELIMA, SEBERANG PERAI TENGAH BAGI PROGRAM TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA (TPPM) TAHUN 2021**

**NO. SEBUTHARGA: S0421032**

<b>KANDUNGAN DOKUMEN</b>		
<b>Bil.</b>	<b>Butiran / Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
1	Kenyataan Sebutharga	3
2	Borang Semakan Dokumen Wajib	4-5
3	Pelaksanaan ISO & OSHAHS	6
4	Surat Akuan Pembida	7 – 8
5	Borang Sebutharga	9 – 14
6	Arahan Kepada Kontraktor	15 – 19
7	Syarat-syarat Kontrak	20 – 35
8.	Skop Kerja	36
8	Lampiran A: Format Laporan Kemajuan	37
9	Lampiran B: Papan Tanda Projek	38
10	Lampiran C: Pelan Lokasi	39
11	Lampiran D: Amalan Pencegahan Covid-19	40



**JABATAN KEJURUTERAAN  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Ruj. Kami :MBSP/50/32-4/1 Bah.30  
Tarikh : 11 Mei 2021

**KENYATAAN SEBUTHARGA**

Sebutharga ini adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** bagi daerah Seberang Perai Tengah sahaja dan masih dibenarkan menyertai sebutharga seperti berikut:-

No. Sebutharga	Butir-butir Sebutharga	Harga Dokumen Sebutharga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Dijual	Tarikh Sebutharga Ditutup
S0421032	<b>KERJA-KERJA MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR (TANGKI AIR) DI APARTMENT DELIMA IMPIAN, TAMAN SERI DELIMA, SEBERANG PERAI TENGAH BAGI PROGRAM TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA (TPPM) TAHUN 2021</b>	<b>Percuma</b>	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) Gred G1, Kategori B dan CE Pengkhususan B24 dan CE21	Tarikh Iklan : <b><u>11 MEI 2021</u></b>  Lawatan tapak: (tidak diwajibkan) <b><u>18 MEI 2021</u></b>  Tempat : <b><u>Apartment Delima Impian Blok J, Taman Seri Delima, SPT</u></b>  Masa : <b><u>3.00 petang</u></b>	<b><u>24 MEI 2021</u></b>  Nota : Sebutharga yang lewat tidak akan diterima.

1. Dokumen dan lukisan sebutharga boleh dimuat turun di laman web MBSP. (Projek ini menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan).
2. Sebutharga akan ditutup pada tarikh seperti di atas. Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul No. Sebutharga dan jenis kerja yang berkaitan serta dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran di Bilik Anggerik, Majlis Bandaraya Seberang Perai, Menara Bandaraya, Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam** sebelum jam 12.00 tengah hari.
3. Kontraktor digalakan untuk melawat sendiri tapak cadangan projek dan pihak MBSP tidak terikat untuk menerima tawaran Sebutharga yang terendah atau sebarang Sebutharga

  
**(MOHD SYUKRI BIN SAID)**  
Timbalan Pengarah Kejuruteraan  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**“SEBERANG PERAI ASPIRASI BANDAR MASA HADAPAN”  
(SEBERANG PERAI ASPIRING CITY OF TOMORROW)**

**SENARAI SEMAKAN DOKUMEN SEBUT HARGA  
(KERJA)**

**NO. SEBUT HARGA: S0421032**

**Sila tandakan (√) bagi dokumen-dokumen yang disertakan.**

<b>Bil.</b>	<b>A. Perkara / Dokumen Yang WAJIB Disertakan (Kegagalan syarikat mengemukakan dokumen ini boleh menyebabkan tawaran tidak dipertimbangkan)</b>	<b>Untuk Ditanda Oleh Syarikat</b>	<b>Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga</b>
1.	Resit Pembelian	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Surat Akuan Pembida yang lengkap diisi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Dokumen Sebut Harga telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran / kadar harga dan tempoh siap) dan ditandatangani.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Pendaftaran MySST dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) (jika perlu)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran dari CIDB	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Salinan Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera (STB)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Lain-lain sijil berkaitan yang disyaratkan : i. ii. iii.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	a. Salinan penyata bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terakhir i. Januari 2021 ii. Februari 2021 iii. Mac 2021	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	b. Borang CA (jika ada)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Bil.	B. Perkara / Dokumen Tambahan Sebagai Sokongan	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Sebut Harga
1.	Maklumat Daftar Perniagaan (SSM)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Profil Syarikat i. Bukti pengalaman kerja berkaitan bersama lima (5) tahun pengalaman yang lepas ii. Peralatan iii. Loji iv. Kenderaan v. Lain-Lain	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Lain-lain maklumat sekiranya ada (jika perlu) i. ii. iii.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN MBSP
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Nama syarikat :</p> <p>Cap / meteri syarikat :</p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. .... (jika ada).</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>

**MAKLUMAN KEPADA SEMUA  
PETENDER / KONTRAKTOR / PEMBEKAL BERKAITAN  
PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

---

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sedang melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti Majlis Bandaraya Seberang Perai terdiri daripada **ISO 9001:2015 (QMS)** (Sistem Pengurusan Kualiti), **ISO 14001:2015 (EMS)** (Sistem Pengurusan Alam Sekitar), **ISO 45001:2018 (OSHMS)** (Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan), **ISO 50001:2018 (EnMS)** (Sistem Pengurusan Tenaga), **ISO 27001:2013 (ISMS)** (Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat) dan **ISO 37001:2016 (ABMS)** (Sistem Pengurusan Anti Suapan / Sogokan).

Selaras dengan pelaksanaan sistem tersebut pretender / kontraktor / pembekal yang berjaya mendapat tawaran sebutharga / tender di MBSP perlu kompetan dalam semua bidang tersebut dan **DISYARATKAN** menghadiri Kursus Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Majlis Bandaraya Seberang Perai. Salinan Sijil Kursus Dengan Jayanya perlu dikemukakan kepada jabatan berkaitan.

Kursus di atas akan dianjurkan oleh MBSP dan dikenakan bayaran sebanyak RM100.00. Sijil yang dikeluarkan adalah sah untuk tempoh tiga (3) tahun sahaja. Tarikh, tempat dan masa kursus akan ditentukan. Untuk maklumat lanjut sila hubungi Bahagian Latihan dan Kompetensi di talian 04-5497453.

**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR (TANGKI AIR) DI APARTMENT DELIMA  
IMPIAN, TAMAN SERI DELIMA, SEBERANG PERAI TENGAH BAGI PROGRAM TABUNG  
PENYELENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA (TPPM) TAHUN 2021**

---

**(NO. SEBUTHARGA : S0421032)**

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

Bagi

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR (TANGKI AIR) DI APARTMENT DELIMA IMPIAN, TAMAN SERI DELIMA, SEBERANG PERAI TENGAH BAGI PROGRAM TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA (TPPM) TAHUN 2021**

.....  
Saya ..... (Pemilik Syarikat) nombor K.P.  
.....yang memiliki.....  
..... (Nama Syarikat) nombor pendaftaran  
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan  
bahawa saya mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Majlis Bandaraya Seberang Perai** (Nama Kementerian/Agensi) atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/ sebutharga \* seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Majlis Bandaraya Seberang Perai** (Nama Kementerian /Agensi) atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/ sebutharga \* seperti di atas, maka saya sebagai pemilik syarikat bersetuju bahawa MBSP berhak mengambil tindakan-tindakan berikut :-

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/ sebutharga \* di atas;  
atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender / sebutharga \* yang ditandatangani tanpa bayaran gantirugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku, memberi atau menawarkan rasuah ; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/ sebutharga \* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar

.....  
Nama :  
No. K.P :  
Cap Syarikat :

**Catatan : \* Potong mana yang tidak berkaitan.**



**JABATAN KEJURUTERAAN  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

---

Ruj. Kami : MBSP/50/32-4/1 Bah.30

Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Tuan,

**Sebutharga: KERJA-KERJA MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR (TANGKI AIR) DI APARTMENT DELIMA IMPIAN, TAMAN SERI DELIMA, SEBERANG PERAI TENGAH BAGI PROGRAM TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA (TPPM) TAHUN 2021**

Di bawah ini dan tertakluk kepada arahan kepada kontraktor, syarat-syarat sebutharga, spesifikasi kerja dan pelan-pelan (jika berkaitan), saya yang bertandatangan di bawah adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah pukal sebanyak:

RM .....

Ringgit Malaysia:

.....

..... (sahaja)

Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa ..... **MINGGU (tidak melebihi Lapan (8) Minggu)**

Bertarikh pada ..... haribulan ..... tahun .....

.....  
Tandatangan kontraktor

.....  
Tandatangan saksi

Nama penuh.....

Nama penuh.....

No.K/P .....

No.K/P .....

Atas sifat.....

Atas sifat.....

Alamat.....

Alamat.....

.....

.....

No Telefon .....

No Telefon .....

.....  
Meteri atau cap kontraktor

**RINGKASAN SEBUT HARGA**

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR (TANGKI AIR) DI APARTMENT DELIMA IMPIAN, TAMAN SERI DELIMA, SEBERANG PERAI TENGAH BAGI PROGRAM TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA (TPPM) TAHUN 2021**

**NO. SEBUTHARGA: (S0421032)**

<b>Bil</b>	<b>PERIHAL</b>	<b>HARGA TAWARAN (RM)</b>
1.	KERJA-KERJA AWALAN	.....
2.	KERJA-KERJA PEMASANGAN TANGKI AIR BARU	.....
3.	KERJA-KERJA KALIS AIR UNTUK PEMBAIKAN LANTAI TANGKI AIR	.....
	<b>JUMLAH HARGA DIBAWA KE MUKA SURAT 9 :</b>	<b>RM _____</b>
	<b>JUMLAH HARGA YANG DIINGINKAN OLEH MBSP :</b>	<b>RM50,000.00</b>

### RINGKASAN SEBUTHARGA

BIL	BUTIR-BUTIR KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	HARGA (RM)
<b>1.0</b>	<b>KERJA-KERJA AWALAN</b>				
1.1	<p>Kerja- kerja permulaan seperti menyediakan papan tanda projek (rujuk <b>Lampiran B</b>), kon keselamatan dan lain-lain kerja yang berkaitan. Kontraktor perlu sentiasa memastikan kon keselamatan atau papan tanda amaran diletakkan di tapak sepanjang tempoh kerja-kerja dijalankan demi menjamin keselamatan orang awam. Semua skop kerja yang terlibat perlu mengikut pelan seperti yang dilampirkan dan lain-lain kerja yang berkaitan.</p>	Pukal			
1.2	<p>Menyediakan laporan lengkap yang mengandungi maklumat berkaitan pembinaan yang dijalankan dan gambar kerja (sebelum, sedang dan selepas) "soft copy" dan "hard copy" dan hendaklah dihantar ke MBSP. Gambar-gambar perlulah diambil menggunakan 'drone' terutamanya selepas siap kerja-kerja menggantikan tangki air baru.</p>				
1.3	<p>Mengadakan segala tenaga kerja, jentera (termasuk skylift / kren jika perlu), peralatan kerja, bahan-bahan binaan dan lain-lain keperluan (termasuk pagar keselamatan jika perlu) untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut dengan mengikut spesifikasi yang ditetapkan sehingga mendapat kepuasan hati Pegawai Penguasa atau wakilnya. Kontraktor perlulah menghargakan segala keperluan di atas.</p>				
1.4	<p>Pihak kontraktor perlu menyediakan tong sampah dan semua sisa-sisa binaan perlu dibersihkan setiap hari. Pihak kontraktor juga perlu membersihkan keseluruhan kawasan yang terlibat sehingga kerja siap dengan sempurna dan memuaskan.</p>				
1.5	<p>Pihak kontraktor perlu menyediakan segala peralatan dan 'Personal Protective Equipement' (PPE) untuk menjalankan kerja-kerja di dalam ruangan tertutup (Confined Space) seperti yang di tetapkan oleh JKPP.</p>				
1.6	<p>Kontraktor dikehendaki melantik seorang 'site safety supervisor' (SSS) yang berdaftar dengan JKPP/DOSH dan mempunyai buku kuning (yellow book) untuk memantau, mengawal dan memberi nasihat/taklimat kepada pekerja dan penduduk berkaitan langkah pencegahan risiko bahaya sebelum dan semasa kerja-kerja dilaksanakan di tapak.(sekiranya perlu)</p> <p style="text-align: right;"><i>Jumlah dibawa ke belakang</i></p>				

BIL	BUTIR-BUTIR KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	HARGA (RM)
	<p style="text-align: right;"><i>Jumlah dari hadapan</i></p> <p><b><u>Nota Penting:</u></b></p> <p>i. Keluasan dan kuantiti yang dicatit dalam borang sebutharga adalah anggaran semata-mata untuk panduan kontraktor. Pihak kontraktor bertanggungjawab untuk membuat ukuran semula bagi memastikan keluasan sebenar sebelum mengemukakan sebutharga. Tuntutan tambahan tidak akan dipertimbangkan kerana kesilapan pengiraan oleh pihak kontraktor.</p> <p>ii. Kontraktor diminta membuat pembaikan semula bagi harta-harta Majlis yang telah rosak semasa kerja-kerja tersebut dilaksanakan. Sebarang kerosakan kabel, paip, utiliti dan lain-lain adalah tanggungjawab kontraktor.</p>				_____
<b>JUMLAH DIBAWA KE MUKA SURAT 10 : RM</b>					_____

BIL	BUTIR-BUTIR KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	HARGA (RM)
<b>2.0</b>	<b>KERJA-KERJA PEMASANGAN TANGKI AIR BARU</b>				
2.1	Menyediakan segala peralatan dan jentera yang diperlukan termasuk kos-kos pengangkutan, peralatan yang terlibat sebagai persediaan perlaksanaan kerja (sky lift, gondola, scaffolding)	Pukal	-	-	_____
2.2	Kerja-kerja membuka dan menanggal keseluruhan tangki air lama sedia ada dan tempat pelupusan disediakan oleh pihak kontraktor.	Pukal	-	-	_____
2.3	Membekal dan memasang tangki air dari jenis "Galvanized Iron Tank" berkapasiti mengikut liter air yang asal dan hendaklah mengikut spesifikasi dan penentuan kerja tambahan, pemasangan ini termasuklah keseluruhan kelengkapan pemasangan. <b>(Kontraktor perlu mengemukakan jenama bahan dan spesifikasi)</b>	Nos	1.0	_____	_____
2.4	Ujian takungan air (ponding test) pada tangki air baru yang dipasang dan dibiarkan selama dua hari untuk menguji tahap kebocoran air.	Pukal	-	-	_____
2.5	Kerja-kerja penyambungan bekalan air sementara (diversion) semasa kerja-kerja pemasangan tangki air baru dilakukan termasuk penyediaan tangki dan pam sementara (sekiranya ada) secara berperingkat bagi mengelakkan masalah ketiadaan air kepada penghuni rumah.	Pukal	-	-	_____
2.6	Lain-lain kerja yang tidak terdapat pada senarai di atas tetapi dapat membantu menambah baik dan kerja-kerja sehingga siap sempurna (termasuk kerja-kerja luar jangka)..... ..... .....	Pukal	-	-	_____
<p><b>NOTA : Pembekal bahan-bahan bagi kerja tangki hendaklah mendapat pengesahan daripada pihak SIRIM.</b></p>					
<b>JUMLAH DIBAWA KE MUKA SURAT 10 : RM</b>					_____

BIL	BUTIR-BUTIR KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	HARGA (RM)
3.0	<b>KERJA-KERJA KALIS AIR UNTUK PEMBAIKAN LANTAI TANGKI AIR</b>				
3.1	Kerja-kerja menanggal lapisan kalis air sedia ada dan memasang lapisan kalis air (waterproofing) baru di atas tapak tangki air seperti mengikut arahan	Pukal	-	-	_____
3.2	Kerja-kerja lain yang tidak terdapat pada senarai di atas tetapi dapat membantu menambah baik dan kerja-kerja sehingga siap semburna ( termasuk kerja-kerja luar jangka ). ..... ..... ..... .....	Pukal	-	-	_____
<b>JUMLAH KESELURUHAN DI BAWA KE MUKA SURAT 10:</b>					_____

## ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR

1. Semua kontraktor adalah dianggap telah melawat tapak bina sewaktu menyediakan sebutharga untuk memastikan sendiri liputan kerja yang terlibat dan corak mengenai keadaan bekerja dan mengenal serta membiasakan dirinya sepenuhnya dengan sebarang hindaran, halangan-halangan dan lain-lain keadaan di tapak bina, kerana tuntutan untuk seberapa kontigensi yang mungkin mempengaruhi harga sebutharga tidak akan dipertimbangkan dan kos untuk lawatan tapak bina itu tidak boleh dituntut daripada MBSP.
2. Semua kontraktor adalah dianggap telah membaca semua dokumen / maklumat di dalam sebutharga dan telah jelas berhubung semua skop dan syarat yang telah ditetapkan. Segala yang disyaratkan yang **melibatkan kos, kontraktor hendaklah memasukkan kos tersebut di dalam sebut harga yang mungkin mempengaruhi harga sebut harga. Sebarang kos tuntutan dikemudian hari tidak akan dipertimbangkan.**
3. Borang sebut harga ini mesti dipenuhi dengan teliti, kalau tidak ianya tidak akan dipertimbangkan.
4. MBSP tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah, mana-mana bahagian sebutharga ataupun sebarang sebut harga.
5. Seseorang yang menandatangani dokumen-dokumen kontrak bagi pihak syarikatnya mestilah mengemukakan sepucuk surat yang mana memberi kuasa kepada seseorang itu berbuat demikian.
6. Sebarang benda tidak diberi harga dalam 'Borang Sebutharga' akan dimasukkan di dalam harga jumlah sekaligus.
7. Tempoh lakunya sebut harga ini ialah **90 hari** dari tarikh tutup sebut harga. Jika lanjutan tempoh diperlukan oleh MBSP, kontraktor yang berjaya akan diberitahu secara bertulis dan beliau akan berhak untuk menerima / menolak dengan jawapan bertulis.
8. Sekiranya kontraktor gagal dan tanpa memberi sebab yang munasabah menghentikan kerja sebelum selesai atau gagal untuk bekerja menurut kehendak Majlis, Majlis adalah berhak untuk menghentikan kontrak ini dengan memberi notis berdaftar kepada kontraktor.
9. Mana-mana bilangan di dalam borang sebut harga, kecuali bilangan no. 1, adalah tertakluk kepada pembatalan oleh pihak MBSP.
10. Semua kuantiti yang di beri di atas adalah anggaran (approximation) sahaja dengan tujuan menolong kontraktor-kontraktor dalam sebutharga. Jikalau kuantiti sebenar tidak sama dengan yang di beri di atas, kontraktor yang berjaya tidak boleh menuntut wang tambahan.

## 11. Polisi-Polisi Insurans

Kontraktor dikehendaki mengambil polisi-polisi insurans, tanggungan awam dan pampasan pekerja untuk sepanjang masa kerja-kerja kontrak ini dijalankan. Polisi-polisi insurans ini mesti disampaikan kepada Jabatan Kejuruteraan sebelum kerja-kerja dimulakan. Kontraktor dikehendaki membeli ***“Insurans Pampasan Pekerja’ sebanyak 25% dari jumlah sebut harga dan ‘Insurans Tanggungan Awam” sebanyak jumlah sebut harga. “Sekiranya ada tuntutan yang melebihi Polisi Insuran Tanggungan Awam, pihak kontraktor perlu membayar baki wang yang dituntut”***

## 12. Indemniti Berhubung Dengan Kecederaan Diri Dan Kerosakan Harta

12.1 Kontraktor bersetuju dengan Majlis bahawa-

- a) Ia hendaklah melaksanakan semua obligasi di bawah kontrak ini atas risiko sendiri dan setakat yang dibenarkan oleh Undang – Undang.
- b) Majlis tidak akan bertanggungjawab atau liabiliti berhubung dengan kemalangan, kerosakan, kecederaan dan kematian;
- c) Kontraktor hendaklah melindungi dan terus melindungi Majlis daripada semua tindakan, guaman, tuntutan, prosiding, kerugian, kerosakan, pampasan, kos (termasuk kos undang – undang), caj dan perbelanjaan yang mana Majlis akan atau mungkin terjadi seperti:-
  - i) cuai, salah guna atau penyalahgunaan oleh kontraktor atau kakitangan, pengkhidmat ejen atau pekerja yang dilantik oleh kontraktor
  - ii) apa-apa kerugian atau kerosakan kepada harta benda atau kecederaan atau apa jua jenis atau di mana perbuatan sengaja Majlis; atau
  - iii) apa-apa kerugian, kerosakan atau kecederaan daripada apa jua sebab kepada harta atau orang disebabkan atau disumbangkan oleh perbuatan, peninggalan, pengabaian, pelanggaran atau keingkaran kontraktor atau kakitangan, pekerja, ejen atau pekerja; dan
- d) Kewajipan di bawah fasal ini hendaklah berterusan selepas penamatan tamat atau lebih awal berkenaan dengan apa-apa perbuatan, perkara atau benda yang berlaku sebelum tamat tempoh atau penamatan perjanjian ini.

12.2 Kontraktor hendaklah dengan kos dan perbelanjaannya sendiri menanggung rugi, melindungi dan mempertahankan Majlis terhadap segala tindakan, tuntutan dan liabiliti yang berbangkit daripada tindakan dilakukan oleh kontraktor dalam pelaksanaan perjanjian ini.



13. **Keselamatan Di Tapak**

Kontraktor **diwajibkan** memastikan keselamatan di tapak iaitu meletakkan kon atau papan tanda amaran di kawasan tapak kerja/binaan sepanjang kerja-kerja dijalankan bagi menjamin keselamatan awam. ***Kontraktor hendaklah mengambil kira kos berkaitan semasa sebut harga. Pemotongan/ denda akan dikenakan kepada kontraktor sebanyak RM100.00/hari sekiranya gagal patuhi syarat yang ditetapkan.***

14. **Kebersihan**

Kontraktor **diwajibkan** menyediakan tong sampah di tapak dan semua sisa-sisa binaan perlu dibersihkan setiap hari. ***Kontraktor hendaklah mengambil kira kos berkaitan semasa sebut harga. Pemotongan/ denda akan dikenakan kepada kontraktor sebanyak RM50.00/hari sekiranya gagal patuhi syarat yang ditetapkan.***

15. **Tarikh Tutup**

Sebut harga ini ditutup pada jam 12:00 tengah hari pada 24/5/2021 di Bilik Anggerik Berpusat Majlis Bandaraya Seberang Perai, Menara Bandaraya, Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah.

Borang sebut harga hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat yang telah dimeterikan dan bertulis di atas sebelah kiri dengan perkataan "**Sebut Harga Terbuka**" dan dikembalikan di Kaunter Berpusat, Majlis Bandaraya Seberang Perai, Menara Bandaraya, Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah. Sebarang pertanyaan sila hubungi Encik Azri Bin Abu Hassan (017-5515410) atau email Azri@mbasp.gov.my.

16. **Tempoh Menyiapkan**

Saya/Kami bertandatangan di bawah ini bersetuju menyiapkan kerja-kerja dalam tempoh **8 (minggu)** dari tarikh rasmi menerima suruhan.

17. **Liquidated And Ascertained Damages (LAD)**

Saya/Kami yang bertandatangan di bawah juga bersetuju dengan denda lewat di bawah 'Liquidated & Ascertained Damages' dengan kadar (22.5% x Harga Kerja/ 365 hari) sehari untuk kerja-kerja yang tidak disiapkan dalam tempoh yang ditentukan.

18. **Defects Liability Period**

"Defects Liability Period" untuk kerja-kerja sebut harga ini adalah **enam (6) bulan** dari tarikh menyiapkan kerja. Sebarang kerosakan yang timbul dalam masa ini dikehendaki diperbaiki semula oleh kontraktor dengan bayaran sendiri.

19. Kos untuk menyediakan perjanjian dan bayaran untuk cukai setem hendaklah ditanggung oleh kontraktor dan akan dijelaskan sebaik sahaja perjanjian dibuat.

20. Jumlah peruntukan untuk kontigensi jika ada adalah jumlah wang yang diketepikan untuk perbelanjaan mengikut budi bicara Pengarah Kejuruteraan. Jika tidak ada dipotong daripada jumlah harga kontrak bersih.

21. Untuk tujuan kontrak ini harga kontrak adalah jumlah sebutharga bagi semua perkara yang dicatitkan dalam borang sebutharga dan termasuk juga jumlah diperuntukan untuk kontigensi.

22. Kuantiti yang ditunjukkan di dalam borang sebutharga adalah tujuan menender sahaja. Kontraktor yang berjaya akan dibayar mengikut kuantiti yang sepatutnya telah dijalankan dengan mengikut kadar sebutharga.

23. Kontraktor dikehendaki mengisikan segala butir-butir yang dinyatakan dalam borang-borang yang disertakan dan dikembalikan semua sekali dengan borang sebutharga.

24. Kontraktor dikehendaki mengemukakan laporan bergambar sebelum, sedang dan selepas kerja dilaksanakan, baki kerja yang disahkan sebagai maklumat sokongan dalam proses bayaran.

**25. Perbuatan Rasuah**

Sebarang tawaran yang membentuk rasuah atau lain-lain dorongan yang boleh mempengaruhi petender/penyebut harga akan menyebabkan tender/sebutharga tersebut ditolak dengan serta merta.

**26. Integrity Pact**

Penyebut harga / Kontraktor dikehendaki mengisi Surat Akuan Pembida (dikepulkan). Kegagalan membuat demikian boleh menyebabkan tender / sebutharga ditolak. Tujuan utama 'integrity pact' dilaksanakan oleh kerajaan adalah untuk:

- i. Mengelakkan petender / penyebut harga daripada menawar atau memberi rasuah.
- ii. Mengkehendaki petender / penyebut harga melaporkan sebarang kesalahan rasuah kepada pihak berkenaan.
- iii. Memastikan kerajaan tidak menanggung 'unnecessary cost' dalam pelaksanaan urusan perolehan.

**27. Perjanjian Dan Duti Setem**

- a) Draf perjanjian yang telah disediakan dan dijilidkan oleh Jabatan Undang-Undang adalah seperti berikut :-

<b>Balasan atau Nilai yang ditawarkan (yang mana lebih tinggi)</b>	<b>Fi Nominal</b>	<b>Perkhidmatan fotostat/pelbagai</b>
Bagi RM200,000.00 dan ke bawah	RM300.00	RM100.00
Melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00	RM500.00	RM100.00
Melebihi RM500,000.00	RM1000.00	RM100.00

- b) Draf perjanjian yang telah disediakan oleh Jabatan Undang-Undang tetapi dijilid oleh kontraktor /penyewa/agen/pembekal adalah seperti berikut :-

Balasan atau Nilai yang ditawarkan (yang mana lebih tinggi)	Fi Nominal	Perkhidmatan fotostat/pelbagai
Bagi RM200,000.00 dan ke bawah	RM300.00	RM50.00
Melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00	RM500.00	RM50.00
Melebihi RM500,000.00	RM1000.00	RM50.00

28. **Penamatan**

Kontrak ini boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak dengan memberi SATU (1) BULAN NOTIS SECARA BERTULIS kepada pihak yang lagi satu lagi.

MBSP berhak menamatkan kontrak ini dengan memberi SATU (1) BULAN NOTIS SECARA BERTULIS kepada kontraktor jika gagal mematuhi mana-mana peraturan seperti berikut:-

- a) Denda / potongan mencapai 20% daripada harga kontrak.
- b) Tidak mematuhi arahan MBSP atau wakilnya tanpa alasan yang munasabah.
- c) Kontraktor telah diberi amaran keras oleh Majlis sebanyak tiga (3) kali berturut-turut.
- d) Kontraktor yang diistiharkan muflis oleh pihak yang sah.

Perkara-perkara di atas dianggap dengan sendirinya telah menamatkan perkhidmatan kontrak.

.....  
**Tandatangan Kontraktor**

Nama: .....

No. K/P: .....

Tarikh: .....

.....  
 Meteri atau Cap Syarikat Kontraktor

.....  
**Tandatangan Saksi**

Nama: .....

No. K/P: .....

Alamat: .....

.....  
 Tarikh: .....

## **SYARAT-SYARAT KONTRAK**

### **1. TAKRIF**

Dalam Arahan Kepada Kontraktor, Syarat-syarat Kontrak, Borang Sebut harga, Jadual Kadar Harga, Skop Kerja dan Spesifikasi, Syarat Tambahan, dan lampiran, dilampirkan bersama, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:

- 1.1 "Majlis" ertinya Majlis Bandaraya Seberang Perai dan mana-mana pegawai yang diberikan kuasa olehnya secara bertulis untuk mentadbir pelaksanaan kontrak ini;
- 1.2 "Kontraktor" ertinya orang atau pemilik tunggal, perkongsian, firma atau syarikat yang ditender untuk kerja tersebut dan telah bersetuju menerima kontrak ini termasuklah wasi-wasi, pentadbir-pentadbir, pengganti-pengganti dan penerima pindah milik orang atau syarikat tersebut;
- 1.3 "Pegawai Penguasa atau P.P" ertinya Pengarah Kejuruteraan;
- 1.4 "Wakil Pegawai Penguasa" ertinya pegawai yang diwakili atau dibenarkan secara bertulis oleh P.P untuk melaksanakan apa-apa tugas yang diarahkan oleh P.P dan Kontraktor hendaklah mematuhi arahan P.P dan/atau wakilnya dari semasa ke semasa.

### **2. KERJA**

- 2.1 Majlis bersetuju untuk menawarkan kepada Kontraktor untuk melaksanakan kerja tersebut seperti yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima Sebut Harga.
- 2.2 Majlis bersetuju untuk melantik Kontraktor dan Kontraktor juga bersetuju menerima perantukan itu bagi maksud melaksanakan kerja tersebut tertakluk kepada syarat-syarat kontrak, jadual kadar harga, spesifikasi, lukisan, dan dalam Dokumen Sebut Harga dan Surat Setuju Terima Sebut Harga.

### **3. TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR DAN STANDARD PRESTASI**

- 3.1 Kontraktor berjanji dan bersetuju kepada Majlis mengikut syarat-syarat kontrak, yang menjadi sebahagian daripada Kontrak ini atau secara lain berkaitan bagi maksud-maksud kontrak.
- 3.2 Kontraktor hendaklah menyediakan dan melaksanakan semua Kerja Tersebut dengan cara yang wajar selaras dengan pengurusan yang baik dan amalan terbaik untuk Majlis dan Kontraktor hendaklah mematuhi semua undang-undang, status, peraturan dan sebarang garis panduan atau arahan yang dikeluarkan oleh Majlis kepada Kontraktor dari semasa ke semasa.

- 3.3 Kontraktor hendaklah menyediakan dan melaksanakan obligasinya di bawah Kontrak ini dan mengambil segala langkah yang sewajarnya yang diharapkan sebagai sebuah syarikat yang berwibawa dengan menggunakan ketelitian dan kemahiran sebagai profesional untuk menyediakan perkhidmatan yang berkesan dan mematuhi terma-terma dan syarat-syarat Kontrak ini.
- 3.4 Kontraktor juga hendaklah pada setiap masa melaksanakan Kerja Tersebut mengikut apa-apa cara yang dibenarkan, akan menjaga dan melindungi kepentingan Majlis serta mengambil segala langkah-langkah yang perlu dan wajar bagi mencegah penyalahgunaan selaras dengan syarat-syarat kontrak ini.
- 3.5 Bagi maksud kesempurnaan dan kelicinan perjalanan kontrak ini, Kontraktor hendaklah melantik seorang wakil yang bertanggungjawab dan apa-apa arahan yang diberi kepada wakil itu oleh Majlis hendaklah dianggap sebagai telah diberi kepada Kontraktor.

#### **4. TEMPOH PERJANJIAN**

Kontrak ini adalah bagi tempoh 2 tahun seperti yang dinyatakan dalam dalam Surat Setujuterima Sebut Harga dan hendaklah mula berkuatkuasa dari tarikh yang dinyatakan dan tamat pada tarikh yang dinyatakan atau penamatan yang lebih awal seperti yang dinyatakan kemudian daripada ini dan/atau apa-apa tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Majlis.

#### **5. BAYARAN**

Majlis sebagai balasan terhadap pelaksanaan Kerja Tersebut hendaklah pada setiap kerja dalam Tempoh Kontrak ini berkuatkuasa membayar kepada Kontraktor bayaran yang telah ditetapkan.

#### **6. INSURANS**

- 6.1 Kontraktor hendaklah sebelum Perjanjian ini dimeterai, mengambil Polisi Insurans Tanggungan Awam (Public Liability ) dengan nilai harga kontrak.
- 6.2 Kontraktor hendaklah mengambil Polisi Insurans Pampasan Pekerja iaitu 25% dari harga kontrak setahun dan merupakan anggaran jumlah pendapatan daripada pekerja Kontraktor yang tidak termasuk di bawah skim PERKESO dan/atau menyumbang kepada PERKESO semasa berkuatkuasanya Perjanjian ini.

- 6.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan untuk diperiksa dan disahkan polisi dan jika dikehendaki meninggalkan polisi dan resit bayaran dengan Majlis untuk dipegang oleh Majlis. Majlis pada bila-bila masa boleh meminta untuk menyemak apa-apa dokumen tambahan berkaitan insurans-insurans tersebut.
- 6.4 Tempoh lindungan insurans-insurans hendaklah dari Tarikh Mula sehingga Tarikh Tamat.
- 6.5 Sekiranya atas apa-apa sebab sekalipun insurans-insurans tersebut terbatal atau tidak berkuatkuasa, Kontraktor bertanggungjawab untuk menanggungrugi dan menggantarugi Majlis atas apa-apa kemalangan dan kecelakaan yang berlaku ke atas dan/atau melibatkan tempat tersebut dan Perkhidmatan Tersebut termasuklah tenaga kerja dan harta benda di dalamnya yang mana sepatutnya dilindungi oleh insurans.

## **7. SKOP KERJA**

Kontraktor hendaklah bertanggungjawab untuk melaksanakan Kerja Tersebut mengikut spesifikasi, syarat-syarat kontrak dan lampiran-lampiran dalam Kontrak ini.

## **8. PENALTI/DENDA**

- 8.1 Kontraktor hendaklah membayar denda lewat di bawah 'Liquidated & Ascertained Damages' dengan kadar  $(0.225/365 \times \text{harga kontrak})$  sahaja sehari sekiranya kontraktor gagal melaksanakan kerja dalam tempoh perjanjian.
- 8.2 Jika Kontraktor gagal melaksanakan Kerja Tersebut secara berterusan, Majlis berhak melantik pihak ketiga bagi menjalankan Kerja Tersebut. Kontraktor perlu membayar kos sebenar yang ditanggung oleh Majlis atas Kerja Tersebut dengan bayaran tambahan denda sebanyak lima belas peratus (15%) daripada harga sebenar.
- 8.3 Majlis berhak mengenakan apa-apa syarat tambahan selain daripada yang disebut di dalam Kontrak ini ataupun semasa Majlis membuat penyeliaan dan pengawasan ke atas Kerja Tersebut, yang akan dimaklumkan secara lisan atau bertulis kepada Kontraktor oleh PP atau wakilnya.

## **9. AKSES UNTUK P.P ATAU WAKILNYA**

- 9.1 P.P atau wakilnya hendaklah pada setiap masa yang munasabah mempunyai akses kepada Kerja Tersebut.
- 9.2 Kontraktor hendaklah selaras dengan keperluan P.P dan / atau wakilnya memberikan segala akses yang munasabah dan kemudahan kepada mana-mana orang lain yang terlibat oleh Majlis dan pekerja-pekerja mereka dan mana-mana pihak berkuasa lain yang ditubuhkan bagi maksud menjalankan apa-apa kerja di atas atau berhampiran Tapak.

## **10. PEMERIKSAAN TAPAK**

- 10.1 Kontraktor hendaklah disifatkan telah memeriksa dan meneliti Tapak dan kawasan sekitarnya dan telah berpuas hati sendiri sebelum menyerahkan sebut harganya tentang perkara-perkara berikut:
- (a) jenis tanah dan tanah bawah;
  - (b) bentuk dan jenis tapak;
  - (c) ukuran keluasan dan panjang kawasan tapak;
  - (d) takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menjalankan Kerja Tersebut;
  - (e) pada amnya telah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal keadaan yang boleh mempengaruhi dan menjejaskan Kerja Tersebut.
- 10.2 Apa-apa maklumat atau dokumen yang dikemukakan oleh Majlis kepada Kontraktor tidak boleh melepaskan Kontraktor daripada obligasinya di bawah peruntukan fasal ini.

## **11. SYARAT-SYARAT AM**

- 11.1 Kontraktor hendaklah mematuhi dan melaksanakan semua Peraturan, Kaedah, Undang-Undang Kecil, Arahan, Syarat atau Sekatan yang dikenakan oleh Majlis secara bertulis atau lisan dari masa ke semasa.
- 11.2 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh Majlis akibat dari sebarang kehilangan, kerosakan, kecurian, kebakaran, tuntutan atau apa jua sebab yang mana kerugian tersebut adalah disebabkan oleh kecuaiannya Kontraktor atau pekerja-pekerjanya semasa melaksanakan Kerja Tersebut. Sebarang kerugian, kehilangan atau kerosakan kepada harta-harta Majlis hendaklah diganti oleh Kontraktor dengan perbelanjaan sendiri. Sekiranya Kontraktor gagal menggantikannya dalam masa yang ditetapkan, Majlis boleh menggantikan harta-harta tersebut dan menuntut kos yang terlibat daripada Kontraktor.

- 11.3 Kontraktor tidak boleh memindahkan atau menyerahkan secara langsung atau tidak langsung Kerja Tersebut atau apa-apa faedah atau kepentingan Kontrak ini kepada mana-mana pihak tanpa kebenaran secara bertulis daripada Majlis.
- 11.4 Kontraktor bertanggungjawab melaporkan dengan segera kepada Majlis secara bertulis segala aktiviti dan keadaan di tapak yang boleh menjejaskan Kerja Tersebut.
- 11.5 Apa-apa kecederaan, kerosakan dan kerugian (termasuk yuran guaman) yang ditanggung oleh Majlis akibat dari sebarang tindakan undang-undang di dalam Kontrak ini hendaklah digantirugi sepenuhnya oleh Kontraktor.

## **12. JADUAL KADAR HARGA**

- 12.1 Jadual Kadar Harga, lukisan, spesifikasi dan lampiran hendaklah menjadi sebahagian dari Kontrak ini dan akan menjadi asas harga kontrak.
- 12.2 Majlis berhak untuk melaraskan Jadual Kadar Harga dan kadar harga sebelum penerimaan sebut harga dan segala keputusan Majlis adalah muktamad. Harga di dalam Jadual Kadar Harga dan apa-apa kesilapan arithmetik dalam Jadual Kadar Harga sebelum menandatangani Kontrak ini akan diselaraskan dan diperbetulkan tertakluk kepada jumlah harga yang ditunjukkan dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap dan tidak berubah.

## **13. ARAHAN PERUBAHAN**

- 13.1 P.P atau wakilnya dari masa ke masa boleh mengeluarkan arahan-arahan secara bertulis yang memerlukan suatu arahan pengubahan dalam bentuk Perintah Perubahan. Apabila Arahan Perubahan itu dikeluarkan, Kontraktor hendaklah dengan serta-merta mematuhi arahan Perubahan tersebut yang dikeluarkan oleh P.P atau wakilnya.
- 13.2 Perubahan adalah :-
- (a) Sesuatu perubahan daripada kontrak perkhidmatan yang bermaksud sebarang penyimpanan daripada Kontrak ini yang berkaitan dengan Jadual Kadar Harga, pelan dan/atau spesifikasi sama ada dipinda, ditambah atau dikurangkan.
  - (b) Setiap perubahan daripada Kontrak ini hendaklah memenuhi kriteria berikut:
    - (i) Tempoh kontrak masih berjalan semasa Arahan Perubahan Kerja dikeluarkan, kecuali dibenarkan di bawah syarat-syarat kontrak;
    - (ii) Perubahan perkhidmatan tidak menukar sebahagian besar skop perkhidmatan asal;
    - (iii) Bagi perkhidmatan tambahan, pelaksanaannya hendaklah ditapak; dan



- (iv) Bagi perkhidmatan gantian, perubahan adalah di dalam skop kontrak dan perkhidmatan asal yang ditentukan dalam skop kontrak asal hendaklah dapat dikenal pasti dalam perkhidmatan gantian tersebut.
- (c) Perkhidmatan tambahan hendaklah seboleh-bolehnya dilaksanakan secara tender atau sebut harga berasingan mengikut kehendak-kehendak peraturan yang berkenaan dengannya. Perubahan kerja hanyalah dibenarkan sekiranya pelaksanaannya secara tender atau sebut harga berasingan akan mengganggu atau menjejaskan kontrak yang sedang berjalan.
- (d) Amalan mengeluarkan perkhidmatan yang terkandung dalam sesuatu kontrak untuk dilaksanakan oleh pihak lain adalah tidak dibenarkan.

13.3 Sebelum mengeluarkan arahan perubahan kerja, P.P dan/atau wakilnya hendaklah memastikan yang perkhidmatan tersebut benar-benar perlu dan ada peruntukan yang mencukupi bagi menampung perbelanjaan tambahan dan kelulusan bertulis hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada P.P atau wakilnya.

#### **14. PENILAIAN PERUBAHAN**

14.1 Semua variasi yang telah diarahkan secara bertulis oleh P.P atau wakilnya hendaklah diukur dan dinilai oleh P.P atau wakilnya melainkan jika sebelum ini atau sebaliknya bersetuju, dan hendaklah dibuat berdasarkan kadar harga yang ditetapkan di dalam Kadar Jadual Harga dan selepas pelarasan hendaklah menentukan penilaian perkhidmatan yang bersifat sama dan dilaksanakan di bawah keadaan yang sama sebagai Perkhidmatan yang berharga.

14.2 Jumlah variasi hendaklah disahkan oleh P.P atau wakilnya dan ditambah atau ditolak daripada jumlah harga kontrak mengikut mana-mana dan jumlah itu hendaklah diselaraskan sewajarnya.

#### **15. PENGUKURAN KERJA**

P.P atau wakilnya hendaklah apabila menghendaki mana-mana bahagian Kerja Tersebut diukur atau dinilai semula bagi maksud kalimah variasi dengan memberi notis yang munasabah kepada Kontraktor untuk membantu P.P atau wakilnya dalam membuat pengukuran itu dan hendaklah memberi semua butir-butir yang dikehendaki oleh P.P atau wakilnya. Sekiranya Kontraktor gagal untuk menghadiri, maka ukuran yang dibuat oleh P.P atau wakilnya akan diluluskan dan Kontraktor hendaklah mengambilnya menjadi ukuran yang betul bagi Kerja Tersebut.

## **16. TUNTUTAN UNTUK RUGI DAN PERBELANJAAN**

- 16.1 Jika pada bila-bila masa semasa kesemua Kerja Tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya telah terjejas oleh sebab kelewatan dan Kontraktor telah menanggung segala kerugian langsung dan/atau perbelanjaan luar yang dijangka munasabah dan Kontraktor tidak akan dibayar balik dengan bayaran yang dibuat di bawah mana-mana peruntukan lain dalam Kontrak ini, maka Kontraktor hendaklah dalam tempoh 30 hari dari berlakunya kejadian tersebut atau keadaan atau arahan memberi notis secara bertulis kepada P.P dan/atau wakilnya niat untuk menuntut kerugian secara langsung atau perbelanjaan bersama-sama dengan anggaran jumlah kerugian dan/atau perbelanjaan, dan sentiasa tertakluk kepada klausa 17.2 dibawah ini.
- 16.2 Dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada 90 hari selepas penyiapan Kerja Tersebut, Kontraktor hendaklah mengemukakan butir-butir penuh bagi semua tuntutan untuk kerugian secara langsung atau perbelanjaan di bawah klausa 18.1 di atas bersama dengan semua dokumen sokongan, baucer, penjelasan dan pengiraan yang mungkin perlu untuk membolehkan kerugian langsung atau perbelanjaan ditentukan oleh P.P dan/atau wakilnya. Jumlah kerugian langsung atau perbelanjaan ditentukan hendaklah dicampurkan kepada Jumlah Harga Kontrak.
- 16.3 Jika Kontraktor gagal mematuhi klausa 17.1 dan 17.2 di atas, Kontraktor tidak akan berhak kepada tuntutan itu dan Majlis akan dilepaskan daripada semua liabiliti berhubung dengan tuntutan itu.

## **17. SUB-KONTRAK ATAU PENYERAHHAKAN**

Kontraktor tidak dibenarkan pada bila-bila masa memajak (sub-kontrak) keseluruhan atau mana-mana bahagian Kerja Tersebut kepada mana-mana pihak tanpa kebenaran bertulis daripada P.P atau wakilnya.

## **18. KEADAAN DAN KESAN AKIBAT KEINGKARAN OLEH KONTRAKTOR**

- 18.1 Sekiranya Kontraktor lalai daripada kewajipan dan keingkaran seperti: -
- (a) gagal untuk memulakan kerja di Tapak dalam tempoh yang ditetapkan dalam Surat Setuju Terima Sebut Harga;
  - (b) menggantung dan/atau meninggalkan Kerja Tersebut atau mana-mana bahagiannya sebelum Tarikh Siap;
  - (c) gagal untuk meneruskan perkhidmatan secara berterusan mengikut Kontrak;
  - (d) gagal melaksanakan Kerja Tersebut mengikut Kontrak;

- (e) berterusan abai untuk menjalankan tanggungjawabnya di bawah Kontrak;
- (f) enggan, abai dan/atau cuai untuk mematuhi notis bertulis daripada P.P atau wakilnya berhubung dengan apa-apa perkhidmatan yang cacat atau peralatan, bahan atau barang-barang yang rosak atau tidak memenuhi syarat-syarat Kontrak; dan/atau
- (g) tidak mematuhi apa-apa terma dan syarat-syarat Kontrak ini, maka PP atau wakilnya akan memberi notis secara bertulis kepada Kontraktor untuk menyatakan kesalahan yang dilakukan dan memerlukan Kontraktor untuk membetulkan kemungkiran itu dalam tempoh tujuh (7) hari atau apa-apa tempoh yang ditetapkan oleh P.P atau wakilnya di dalam notis yang dikeluarkan.

18.2 Sekiranya Kontraktor gagal untuk membetulkan pelanggaran dalam tempoh yang ditetapkan mengikut jadual kekerapan yang dinyatakan, P.P atau wakilnya berhak untuk menamatkan kontrak ini dengan serta-merta dengan memberi notis bertulis bagi maksud itu.

18.3 Jika Kontrak ini ditamatkan, di bawah klausa 19.2 di atas, Kontraktor itu hendaklah :-

- (a) dengan serta-merta menghentikan semua Kerja Tersebut;
- (b) menjalankan apa-apa kerja perlindungan untuk menjamin Tapak dan kawasan sekitarnya tidak mengalami apa-apa kemerosotan, kerugian atau kerosakan dan memastikan tapak dan kawasan sekitarnya dalam bersih dan kemas.
- (c) membenarkan Majlis melaksanakan Kerja Tersebut atau melantik pihak ketiga bagi menyiapkan Kerja Tersebut sekiranya Kontraktor gagal menyiapkan Kerja Tersebut;
- (d) membayar kepada Majlis untuk sebarang kerugian dan kerosakan akibat penamatan Kontrak ini; dan
- (e) tidak boleh dikeluarkan daripada mana-mana obligasinya di bawah kontrak.

18.4 Majlis hendaklah selepas berlaku penamatan tersebut:-

- (a) mengembalikan Bon Pelaksanaan atau menolak apa-apa hutang yang terakru;
- (b) berhak untuk menjalankan dan menyiapkan Kerja Tersebut dengan sendiri atau menggunakan mana-mana orang lain untuk menjalankan dan menyiapkan Kerja; dan
- (c) berhak untuk membuat tuntutan terhadap Kontraktor bagi apa-apa kerugian, kos, perbelanjaan dan kerosakan yang dialami sebagai akibat penamatan Kontrak ini.

18.5 Sekiranya Kontraktor diisytiharkan muflis atau disabitkan dengan sebarang kes jenayah, maka Perjanjian ini ditamatkan dengan serta merta dengan tidak melucutkan apa-apa hak Majlis untuk membawa apa-apa tuntutan yang Majlis berhak menuntut menurut Kontrak ini.

## **19. PEMBAYARAN SEBAIK SAHAJA KONTRAK DITAMATKAN**

19.1 Jika Kontrak ini ditamatkan, amaun yang hendak dibayar adalah seperti berikut:

- (a) nilai bagi semua Kerja Tersebut yang dijalankan sehingga tarikh penamatan;
- (b) sejumlah wang sebagai apa-apa amaun perbelanjaan munasabah yang ditanggung oleh Kontraktor dalam jangkaan menyiapkan keseluruhan Kerja Tersebut;

19.2 Apa-apa amaun yang perlu dibayar oleh Majlis hendaklah tertumpu hanya sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas dan nyata dalam klausa 20.1 (a) dan (b) di atas.

19.3 Selepas penamatan Kontrak, akaun akhir Kontrak ini hendaklah disediakan dan dikeluarkan oleh P.P atau wakilnya.

## **20. PENAMATAN ATAS KEPENTINGAN NASIONAL**

20.1 Walauapapun peruntukan Kontrak ini, Majlis boleh menamatkan Kontrak ini dengan memberi tidak kurang daripada 30 hari notis bertulis bagi maksud itu kepada Kontraktor (tanpa apa kewajipan untuk memberikan apa-apa sebab itu) jika Majlis berpendapat bahawa apa-apa penamatan adalah perlu bagi kepentingan negara, dasar kebangsaan atau keselamatan negara.

21.2 Bagi maksud fasal ini, apa yang dimaksudkan dengan "kepentingan negara", "dasar kebangsaan" dan "keselamatan negara", hendaklah semata-mata dibuat dan ditentukan oleh Majlis dan penentuan sedemikian untuk semuaniat dan tujuan adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan dan tidak akan terbuka kepada apa jua cabaran sekalipun.'

21.3 Selepas penamatan Kontrak ini di bawah klausa 21.1 di atas-

- (a) kewajipan pembayaran termasuk semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis dan Kontraktor hendaklah ditentukan mengikut klausa 9;
- (b) klausa 15 hendaklah terpakai.

## 21. PENAMATAN DISEBABKAN OLEH FORCE MAJEURE

- 21.1 Mana-mana pihak dianggap tidak melanggar obligasi Kontrak ini sekiranya tidak dapat melaksanakan obligasinya di bawah Kontrak ini atau mana-mana bahagian daripadanya akibat daripada berlakunya kejadian Force Majeure. Kejadian Force Majeure bermaksud kejadian bukan dalam kawalan pihak yang terlibat di mana pihak tersebut tidak dapat menghalang, mengelak atau membatalkan dan hendaklah termasuk :-
- (a) peperangan, pertempuran (sama ada diisytiharkan atau tidak), serangan, tindakan oleh musuh-musuh asing, pemberontakan, penaklukan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan pengganas;
  - (b) bencana alam seperti gempa bumi, banjir dan kebakaran bawah tanah yang spontan, kilat, tsunami dan keadaan cuaca yang luarbiasa; dan
  - (c) rusuhan dan kekacauan awam, kerosakan jenayah, sabotaj, mogok, sekat masuk, pertikaian buruh atau lain-lain gangguan perindustrian (yang mengganggu pelaksanaan Kontrak ini) yang menyebabkan atau dengan munasabah boleh dijangka akan menyebabkan mana-mana pihak gagal mematuhi obligasinya.
- 21.2 Jika berlaku sesuatu kejadian Force Majeure yang menyebabkan mana-mana pihak tidak dapat melaksanakan obligasinya di bawah Kontrak ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) yang terjejas akibat kejadian Force Majeure, pihak tersebut hendaklah dengan serta-merta memaklumkan kepada pihak yang satu lagi dan diikuti dengan mengemukakan laporan terperinci mengenai kejadian Force Majeure tersebut dan kesannya kepada pelaksanaan Kontrak ini.
- 21.3 Mana-mana pihak tidak berhak untuk bersandarkan kepada peruntukan-peruntukan dalam fasal ini melainkan sekiranya kedua-dua pihak secara munasabah telah menentukan bahawa suatu kejadian Force Majeure benar-benar berlaku.
- 21.4 Jika mana-mana pihak merasakan bahawa kejadian Force Majeure yang berlaku itu pada tahap yang sebegitu teruk atau telah berterusan untuk suatu tempoh yang mana-mana pihak tidak dapat melaksanakan apa-apa obligasi di bawah Kontrak ini, Kontrak ini bolehlah ditamatkan atas persetujuan bersama.
- 21.5 Jika Kontrak ini ditamatkan akibat kejadian Force Majeure di bawah fasal di atas, semua hak dan obligasi pihak-pihak hendaklah terhenti dan mana-mana pihak tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap pihak yang satu lagi dan masing-masing tidak bertanggungjawab terhadap satu sama lain berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru akibat kejadian Force Majeure tersebut.
- 21.6 Bagi mengelakkan keraguan, mana-mana pihak kepada Kontrak ini hendaklah terus melaksanakan obligasi masing-masing di bawah Kontrak ini yang tidak terjejas, tertangguh atau terganggu oleh kejadian Force Majeure dan obligasi-obligasi berkenaan hendaklah, sementara menunggu pelaksanaan fasal ini, terus berkuatkuasa.

## **22. PENAMATAN APABILA TAMAT TEMPOH KONTRAK ATAU MENCAPAI HARGA SILING KONTRAK**

- 23.1 Pihak Majlis boleh menamatkan kontrak ini sekiranya kontrak ini telah tamat tempoh kontrak atau tuntutan bayaran kontraktor telah mencapai harga siling kontrak pada bila-bila masa dalam tempoh kontrak, dengan memberikan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari notis secara bertulis kepada kontraktor.
- 23.2 Pihak Majlis juga boleh menamatkan kontrak ini sebaik tempoh perjanjian tamat walaupun tuntutan kontraktor masih belum mencapai harga siling kontrak.

## **23. AKAUN AKHIR DAN SIJIL PEMBAYARAN**

- 23.1 Dengan seberapa segera dan tidak lewat daripada satu (1) bulan, Kontraktor hendaklah mengemukakan butir-butir penuh lengkap dengan resit, baucar, dan rekod yang akan menyokong tuntutan Kontraktor bersama-sama dengan apa-apa dokumen, baucar dan apa-apa penjelasan dan pengiraan termasuk dokumen yang berkaitan untuk membolehkan Akaun Muktamad disediakan oleh P.P dan/atau wakilnya dengan syarat Kontraktor telah memberi notis tuntutan secara bertulis dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 23.2 Jika Kontraktor gagal mengemukakan butir-butir penuh semua tuntutan dalam tempoh yang ditetapkan, P.P atau wakilnya hendaklah dengan segera membuat taksiran berdasarkan dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh Kontraktor bagi maksud Akaun Akhir. Majlis akan dilepaskan daripada semua liabiliti berkaitan dengan tuntutan.
- 23.3 Para Perakuan Muktamad hendaklah disokong oleh dokumen-dokumen, dan butiran penuh lengkap dengan resit, baucar dan rekod yang menunjukkan penilaian muktamad kepada P.P atau wakilnya dan mana-mana amaun yang ditentukan selaras dengan terma-terma Kontrak ini.
- 23.4 Perakuan Muktamad hendaklah menyatakan apa-apa baki muktamad yang terhutang daripada Majlis kepada Kontraktor atau daripada Kontraktor kepada Majlis mengikut mana yang berkenaan, dan hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar. Perakuan itu hendaklah juga mengambil kira apa-apa potongan yang dibenarkan terkumpul tidak lagi dibuat oleh Majlis dibawah terma-terma Kontrak ini sama ada dengan cara gantirugi jumlah tertentu atau sebaliknya.

## **24. AKTA PEKERJA KESELAMATAN SOSIAL, 1969**

- 24.1 Kontraktor hendaklah mendaftarkan atau menyebabkan untuk mendaftarkan semua pekerja tempatan yang bekerja dalam melaksanakan Kerja Tersebut dan yang tertakluk kepada pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) selaras dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan/atau mana-mana seterusnya pengubahsuaian atau enakmen semula Akta tersebut.
- 24.2 Bagi maksud fasal kecil ini, istilah "pekerja tempatan" hendaklah termasuk pekerja yang warganegara Malaysia dan mereka yang mempunyai status penduduk tetap
- 24.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan Nombor Kod dan Nombor-nombor Keselamatan Sosial semua pekerja-pekerja yang didaftarkan di bawah skim PERKESO kepada PP atau wakilnya untuk pengesahan. Kontraktor hendaklah membuat bayaran sumbangan semua dari semasa ke semasa pada hari sumbangan pertama yang fikirkan sama yang perlu dibayar dan sehingga selesai perjanjian ini dan ia adalah menjadi kewajipan Kontraktor untuk mengemukakan kepada PP atau wakilnya penyata caruman atau baucar bayaran sebagai bukti pembayaran sumbangan itu, sama ada dituntut atau tidak.
- 24.4 Jika Kontraktor gagal mematuhi terma-terma Fasal ini, Kerajaan Malaysia, PP dan/atau wakilnya boleh tanpa menjejaskan apa-apa remedi lain yang terdapat kepada Kerajaan dan Majlis bagi pelanggaran mana-mana syarat-syarat kontrak ini, menahan amaun dari apa-apa wang yang selainnya boleh kena dibayar kepada Kontraktor di bawah Kontrak ini pendapat PP atau wakilnya akan memenuhi apa-apa tuntutan bagi pampasan oleh pekerja yang telah ditanggung oleh PERKESO jika Kontraktor lalai dalam mengekalkan sumbangan.

## **25. INDEMNITI**

Majlis tidak akan menanggung sebarang liabiliti untuk apa-apa gantirugi atau pampasan kepada sesiapa yang berada dalam penggajian Kontraktor atau sesiapa yang lain mengakibatkan kerosakan kepada harta benda seseorang atau kecederaan, maut atau tidak atau kerugian yang dihadapi oleh orang sedemikian melainkan kerosakan, kecederaan atau kerugian itu berakibat dari mana-mana tindakan atau keingkaran Majlis, ejen, pengkhidmat atau pengawainya yang mana Majlis akan ditafsirkan bertanggung dari segi undang-undang. Kontraktor hendaklah mengindemniti Majlis berkaitan dengan tuntutan-tuntutan terhadap Majlis bagi kecederaan atau kerugian yang dihadapi oleh orang tersebut dan kerosakan kepada harta benda termasuk harta benda Majlis, yang mungkin timbul akibat dari kecuaiian, peninggalan atau keingkaran Kontraktor, ejen, atau pegawainya atau pihak lain yang diberi kuasa atau sebarang keadaan yang dibawah kawalannya.

## **26. TIMBANGTARA**

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara Majlis dengan Kontraktor mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa Kontrak atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit darinya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali jika selainnya dipersetujui dengan bertulis di antara Majlis dengan Kontraktor, dirujuk kepada penimbangtara dua orang, seorang dilantik oleh Majlis dan seorang oleh Kontraktor, dan aturcara timbangtara itu adalah seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Timbangtara 2005.

## **27. KESALAHAN RASUAH**

27.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

27.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

27.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Kontraktor boleh diambil sekiranya dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

27.4 Mana-mana Kontraktor yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja yang dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

## **28. PENETAPAN GAJI MINIMA**

Kontraktor hendaklah mematuhi penetapan gaji minima pekerja yang ditetapkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa.



## **29. KEBOLEHASINGAN**

Jika mana - mana klausa daripada Kontrak ini adalah menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang sekarang atau undang-undang masa hadapan atau peraturan-peraturan, klausa tersebut hendaklah dibatalkan sepenuhnya dan Kontrak ini boleh ditafsirkan seolah-olah klausa yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan itu tidak pernah terkandung sebagai sebahagian daripada Kontrak ini dan klausa-klausa lain di dalam Kontrak ini hendaklah terus berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya dan tidak akan terjejasoleh klausa yang menyalahi undang-undang, tidak sah, tidak boleh dikuatkuasakan atau melalui pemotongan daripada Kontrak ini.

## **30. PENGGANTI TERIKAT**

Kontrak ini hendaklah mengikat pengganti masing-masing dalam tajuk Pihak-Pihak.

## **31. KERAHSIAAN**

31.1 Kontrak ini dan segala apa-apa spesifikasi, pelan, lukisan, rekod, data, buku, laporan dan semua perkara yang berkaitan bersama hendaklah dianggap sebagai perkara sulit dan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga tanpa persetujuan bertulis terlebih dahulu dari Majlis, kecuali dan melainkan jika:-

- (a) pendedahan apa-apa maklumat tersebut adalah perlu bagi maksud meningkatkan kewangan untuk melaksanakan obligasi Kontraktor di bawah Kontrak ini;
- (b) pendedahan maklumat tersebut dibuat kepada perunding Kontraktor, juruaudit atau penasihat;
- (c) pendedahan maklumat tersebut diperlukan oleh undang-undang atau oleh mana-mana agensi yang berkaitan dengan Majlis atau bagi pelaksanaan apa-apa obligasi di bawah Kontrak ini; atau
- (d) maklumat yang telah memasuki domain awam.

32.2 Jika maklumat telah didedahkan kepada pihak ketiga, Kontraktor perlu bertanggungjawab untuk memastikan bahawa mana-mana pihak ketiga tidak boleh mendedahkan maklumat kepada mana-mana pihak ketiga yang lain.

32.3 Sekatan yang terkandung dalam fasal ini akan kekal walaupun penamatan berlaku. Kontrak ini dan hendaklah terus mengikat kedua-dua Pihak tanpa had dan masa.

### **32. PENAFIAN**

Kegagalan oleh mana-mana Pihak untuk menguatkuasakan pada bila-bila masa, mana-mana peruntukan Kontrak ini tidak boleh ditafsirkan sebagai penafian hak untuk menguatkuasakan pelanggaran peruntukan sedemikian atau mana-mana peruntukan lain dalam Kontrak ini atau sebagai penepian apa-apa yang berterusan, berjaya atau selepas pelanggaran mana-mana peruntukan atau peruntukan lain dalam Kontrak ini.

### **33. UNDANG-UNDANG**

Kontrak ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pihak-Pihak yang tidak boleh dibatalkan menyerahkan kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

### **34. LAMPIRAN**

Semua pelan-pelan lukisan dan spesifikasi kepada dokumen sebut harga ini hendaklah menjadi sebahagian daripada Kontrak dan hendaklah dibaca, dikira dan diertikan sebagai satu bahagian yang perlu dalam Kontrak ini.

### **35. NOTIS**

Apa-apa notis yang dikehendaki disampaikan oleh mana-mana pihak kepada pihak yang satu lagi di bawah Kontrak ini hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang mencukupi sekiranya dihantar kepada Majlis yang beralamat di :-

Majlis Bandaraya Seberang Perai  
Menara Bandaraya  
Jalan Perda Utama, Bandar Perda,  
14000 Bukit Mertajam  
Pulau Pinang

### **36. KOS PENYEDIAAN PERJANJIAN DAN DUTI SETEM**

36.1 Kos penyediaan perjanjian dan duti setem (kadar ditentukan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri) akan ditanggung oleh pihak penyebut harga.

36.2 Jadual kadar caj kos penyediaan dokumen perjanjian adalah seperti berikut:-

36.2.1 Deraf perjanjian yang disediakan dan dijilidkan oleh Jabatan Undang-undang MBSP.

Balasan atau Nilai yang ditawarkan (yang mana lebih tinggi)	Fi Nominal	Perkhidmatan fotostat / pelbagai
Bagi RM200,000.00 dan ke bawah	RM300.00	RM100.00
Melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00	RM500.00	RM100.00
Melebihi RM500,000.00	RM1,000.00	RM100.00

36.2.2 Deraf perjanjian yang disediakan dan dijilidkan oleh penyebut harga.

Balasan atau Nilai yang ditawarkan (yang mana lebih tinggi)	Fi Nominal	Perkhidmatan fotostat / pelbagai
Bagi RM200,000.00 dan ke bawah	RM300.00	RM50.00
Melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00	RM500.00	RM50.00
Melebihi RM500,000.00	RM1,000.00	RM50.00

### 37. PEMALSUAN DOKUMEN

Majlis berhak membatalkan Kontrak ini jika didapati terdapat apa-apa pemalsuan dokumen atau pernyataan yang tidak benar yang diberikan oleh Kontraktor kepada Majlis sebelum menandatangani Kontrak ini.

### 38. MASA

Masa yang disebutkan dimana-mana dalam Kontrak ini adalah merupakan intipati Kontrak ini.

### 39. PINDAAN SECARA BERTULIS

Apa-apa perubahan atau pindaan kepada Kontrak ini adalah tidak sah melainkan jika dipersetujui dan dilakukan secara bertulis oleh kedua-dua pihak kepada Kontrak ini.

## **SKOP KERJA**

1. Kerja-kerja awalan.
2. Membuka / menanggal tangki air yang sedia ada termasuk lain-lain kerja yang perlu sebelum menukar tangki air baru.
3. Memasang tangki air baru termasuk peralatan kelengkapan.
4. Kerja-kerja membaiki lantai tangki air dengan menggunakan kaedah "water proofing".

## LAMPIRAN A – FORMAT LAPORAN KEMAJUAN

### FORMAT LAPORAN KEMAJUAN

Laporan hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Penguasa atau wakilnya secara rasmi / bersurat pada setiap awal bulan atau selewat-lewatnya pada 3 haribulan.

Laporan tersebut hendaklah dicetak secara berwarna bagi memudahkan pemahaman / bacaan pihak terlibat.


Isi kandungan di dalam laporan hendaklah merangkumi keseluruhan perkara dibawah:-

- a) Maklumat Projek
- b) Carta Organisasi
- c) Pelan Lokasi
- d) Kemajuan kerja.
- e) Aktiviti kerja-kerja di tapak
- f) Program halangan di tapak mengikut CPM
- g) Laporan Kewangan
- h) Work program (CPM) dan S Curve
- i) Senarai Arahan Perubahan Kerja.
- j) Senarai Arahan Pegawai Penguasa
- k) Senarai Arahan di tapak
- l) Senarai Kelulusan Bahan Binaan
- m) Rekod Pekerja
- n) Rekod Jentera
- o) Rekod Cuaca

Gambar Kemajuan Kerja (Penggunaan Dron jika perlu).



LAMPIRAN B

LAMPIRAN B – LUKISAN / PELAN-PELAN BERKAITAN



BUTIRAN TERPERINCI

LAMPIRAN C – PELAN LOKASI



## LAMPIRAN D – AMALAN PENCEGAHAN COVID-19

Setiap kontraktor yang hadir ke taklimat sebutharga adalah diwajibkan untuk mematuhi dan mengamalkan amalan pencegahan Covid-19.

Amalan tersebut juga hendaklah terus diamalkan ketika menjalankan kerja-kerja ditapak.

**WASPADA**  
**CoronaVirus**  
(COVID-19)

**AMALAN PENCEGAHAN:**

- TUTUP MULUT & HIDUNG**
- PAKAI PENUTUP MULUT & HIDUNG**
- CUCI TANGAN**
- SENTIASA MEM BAWA**
- SEGERA DAPATKAN RAWATAN**
- JAGA KEBERSIHAN**

Mesra Bandaraya,  
Jalan Perda 10/1, Bandar Perda,  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia

www.mibj.gov.my